



USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA

APEX™

PGT202E – BASIC EDUCATIONAL MEASUREMENT AND EVALUATION

**SIDANG AKADEMIK 2019/2020
PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

PROJECT: CONSTRUCTING HOTS ASSESSMENT TASKS

SUBJEK: SEJARAH (TINGKATAN 2)

DISEDIAKAN OLEH:

AHLI KUMPULAN	
NAMA: NURUL NAJIHA BINTI AHMAD AMRAN NO MATRIK: 142624	
NAMA: NURUL FIKRAH BINTI AZIZ NO MATRIK: 141428	
NAMA: ESTHER DORA MUSTAPA NO MATRIK: 140872	
NAMA: NUR ANIS SYAHIRAH BINTI ABD HAMID NO MATRIK: 141084	
NAMA PENSYARAH : DR SAMMAH MOFREH TARIKH HANTAR : 23 MEI 2020 TUTORIAL : RABU (10-11 AM)	

ISI KANDUNGAN

BIL	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1	PENGENALAN	2-3
2	HASIL PEMBELAJARAN	4
3	HOTS ASSESSMENT TASK 1 <ul style="list-style-type: none"> - Contoh soalan - Skema pemarkahan berserta contoh jawapan 	5-7
4	HOTS ASSESSEMENT TASK 2 <ul style="list-style-type: none"> - Contoh soalan - Skema pemarkahan berserta contoh jawapan 	8-11
5	HOTS ASSESSMENT TASK 3 <ul style="list-style-type: none"> - Contoh soalan - Skema pemarkahan berserta contoh jawapan 	11-14
6	HOTS ASSESSMENT TASK 4 <ul style="list-style-type: none"> - Contoh soalan - Skema pemarkahan berserta contoh jawapan 	14-16
7	RUJUKAN & LAMPIRAN	17-18

1.0 PENGENALAN

Sejarah ialah mata pelajaran teras dalam KSSM yang wajib dipelajari oleh semua murid secara berterusan dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima. Kurikulum Sejarah sekolah menengah dilaksanakan secara bersepadu. Kesepadan disiplin Sejarah merangkumi aspek kandungan pengetahuan, Kemahiran Pemikiran Sejarah, Elemen Kewarganegaraan dan Nilai Sivik. Kandungan mata pelajaran Sejarah KSSM adalah berbentuk kronologi yang membincangkan perihal kehidupan masyarakat dan negara daripada aspek politik, ekonomi dan sosial. Peristiwa sejarah disusun secara kronologi supaya murid dapat memahami proses perkembangan masyarakat dan negara yang menumpukan kepada pemahaman yang menyeluruh tentang pembinaan negara bangsa Malaysia bermula dari Zaman Pra-sejarah hingga kini. Ilmu tersebut membolehkan murid membuat perbandingan peradaban yang dicapai oleh negara luar dengan negara kita. Oleh itu, murid perlu didedahkan dengan pengetahuan tentang dunia luar supaya mereka mampu bersaing di peringkat global.

Dalam usaha untuk bersaing dengan negara-negara maju, sistem pendidikan di Malaysia telah mewujudkan satu langkah untuk melahirkan generasi yang berpengetahuan, mampu berfikir secara kritis dan kreatif serta berupaya untuk berkomunikasi dengan berkesan pada peringkat global. Oleh itu, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) telah diperkenalkan di negara ini. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) atau High Order Thinking Skill (HOTS) menurut Kementerian Pendidikan Malaysia ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. Manakala Brookhart, 2010, pula mendefinisikan KBAT atau HOTS sebagai kemahiran berfikir yang lebih tinggi dari segi pemindahan pengetahuan. Tujuan kemahiran ini diperkenalkan adalah untuk mengubah amalan hafalan kepada proses pemahaman secara menyeluruh, melahirkan pemikiran secara kritikal, pemikiran kreatif, pemikiran logikal, pemikiran reflektif dan metakognitif. Penggunaan KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat membantu pelajar mengetahui cara untuk membandingkan, menyusun atur, mengelas dan mengenal pasti sebab dan akibat mengikut pendapat dan pandangan mereka sendiri.

Terdapat beberapa kepentingan KBAT atau HOTS, salah satunya ialah membolehkan seseorang mempunyai kemampuan untuk menyelesaikan masalah. Selain itu, kepentingan lain ialah membina kebolehan mencerna dan menghasilkan idea baru. Di samping itu, kemampuan dan kebolehan untuk mencapai sesuatu objektif juga merupakan salah satu kepentingan KBAT

atau HOTS. KBAT atau HOTS juga dikaitkan dengan aras taksonomi bloom yang mempunyai enam tahap pemikiran iaitu mengingat, kefahaman, aplikasi, analisis, penilaian, mencipta. Tiga aras pemikiran yang pertama digambarkan sebagai Kemahiran Berfikir Aras Rendah atau Low Order Thinking Skill, dan tiga aras yang seterusnya digambarkan sebagai KBAT atau HOTS. Setiap aras pemikiran taksonomi bloom mempunyai pengertian dan unsur penggunaan yang berbeza.

Dalam hal ini, untuk melaksanakan kemahiran ini, guru-guru perlu mencipta soalan-soalan ataupun tugas mengikut kepada empat aras teratas dalam Taksonomi Bloom iaitu mengaplikasi, menganalisis, mensintesis dan menilai. Taksonomi Bloom merupakan satu aras yang digunakan sebagai elemen dalam pentaksiran. Ia diperkenalkan oleh Benjamin S.Bloom pada tahun 1959. Untuk mengubal soalan dengan lebih teratur, sistem pendidikan di Malaysia menggunakan pendekatan Taksonomi Bloom. Oleh itu, dalam menjalankan kerja kursus ini, kami telah memilih untuk membina soalan sejarah bagi tingkatan dua dengan berpandukan kepada Taksonomi Bloom.

2.0 HASIL PEMBELAJARAN (LEARNING OUTCOMES)

BIL	TAJUK		HASIL PEMBELAJARAN	ARAS TAKSONOMI BLOOM
	Tajuk mengikut buku teks	Standard Pembelajaran		
1	Bab 2 - Sistem Pemerintahan dan Kegiatan Ekonomi Masyarakat Kerajaan Alam Melayu	5.2.2 Menghuraikan Kegiatan Ekonomi Masyarakat Kerajaan Alam Melayu	A) Pelajar dapat menyatakan kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh Kerajaan Alam Melayu	Analisis
			B) Pelajar dapat memikirkan perkara yang boleh dilakukan untuk memajukan ekonomi negara melalui kegiatan pertanian	Aplikasi
2	Bab 5 - Kesultanan Melayu Melaka sebagai Asas Kerajaan Masa Kini	6.1.2 Menghuraikan kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka	A) Pelajar dapat menyatakan faktor-faktor yang membawa kepada kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka	Analisis
			B) Pelajar dapat menyatakan kepentingan mempelajari sejarah Kesultanan Melayu Melaka dan	Aplikasi
3	Bab 10 – Sarawak dan Sabah	6.4.3 Menghuraikan kegiatan masyarakat Sarawak dan Sabah	A) Pelajar dapat menyatakan kepentingan kegiatan ekonomi yang dijalankan di Sarawak dan Sabah.	Aplikasi
			B) Pelajar dapat menyatakan kepentingan kegiatan ekonomi yang mengikut lokasi dan bentuk muka bumi yang berbeza	Penilaian
4	Bab 8 – Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan perlis	6.3.4 menghuraikan keunikan adat dan pemerintahan Negeri Sembilan	A) Pelajar dapat menyatakan bukti mengenai adat perpatih yang diamalkan oleh penduduk Negeri Sembilan	Analisis
			B) Pelajar dapat menyatakan prinsip demokrasi yang boleh diperlakukan bagi memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat pada masa kini.	Aplikasi

3.0 HOST ASSESSMENT

3.1 HOTS ASSESSMENT TASK 1

Mata pelajaran	:	Sejarah Tingkatan 2
Tajuk	:	Sistem Pemerintahan dan Kegiatan Ekonomi Masyarakat Kerajaan Alam Melayu
Standard Pembelajaran	:	5.2.2 Menghuraikan Kegiatan Ekonomi Masyarakat Kerajaan Alam Melayu
Aras Taksonomi Bloom	:	Analisis
<u>Item Pentaksiran HOTS 1</u>	:	<u>Item Analisis</u>

Masyarakat kerajaan Alam Melayu telah menjalankan pelbagai kegiatan ekonomi seperti pertanian, perdagangan, mengutip hasil hutan dan laut, serta perlombongan dan pembuatan.

Berdasarkan kemajuan kegiatan ekonomi yang telah dikecapi oleh Kerajaan Alam Melayu, buktikan kegiatan dan kejayaan ekonomi yang telah dicapai oleh kerajaan tersebut.(12 Markah)

SKEMA PEMARKAHAN

BIL	ISI DAN HURAIAN	MARKAH
1	F1 – Pertanian H1 – Kerajaan Alam Melayu mempunyai tanah yang subur untuk melakukan kegiatan pertanian. H2 – sebahagian besar kawasan Alam Melayu ditanam dengan padi. C1 - Contohnya Kerajaan Funan dan Angkor yang terletak di Lembah Sungai Mekong mendapat manfaat daripada kesuburan tanahnya. C2 - Hujan membekalkan air ke tasik-tasik besar seperti Tonle Sap yang digunakan untuk mengairi kawasan padi sawah C3 - Pemerintah Angkor telah membina kolam yang dikenali sebagai baray untuk menyimpan air. Oleh itu, penanaman padi di Angkor menuaikan hasil tiga hingga empat kali setahun. - mana-mana jawapan dan contoh yang sesuai	3m
2	F1 – Perdagangan	

	H1 – kedudukan Alam Melayu di tengah-tengah laluan perdagangan timur dan barat dan adanya kemudahan pelabuhan telah membolehkan kerajaan Alam Melayu berkembang maju C1 – Pelabuhan Oc Eo semasa kerajaan Funan mempunyai barang dagangan seperti Damar, kapur barus, dan kayu cendana. C2 – Pelabuhan Palembang semasa kerajaan Srivijaya memperdagangkan barang seperti Damar, madu, rotan, rempah, dan mutiara. - mana-mana jawapan dan contoh yang sesuai	3m
3	F1 – Mengutip hasil hutan dan laut H1 – Kerajaan Alam Melayu menjalankan kegiatan mengutip hasil hutan dan laut bagi kegunaan mereka dan lebihan hasil kutipan akan didagangkan. C1 - hasil hutan seperti gaharu, sarang burung, rotan dan kapur barus C2 – hasil laut seperti gamat, rumpai laut, dan mutiara - mana-mana jawapan dan contoh yang sesuai	3m
4	F1 – perlombongan dan pembuatan H1 – Masyarakat kerajaan Alam Melayu menjalankan kegiatan melombong dengan cara mendulang secara kecil-kecilan H2 – kegiatan pembuatan ialah kegiatan membuat barang harian. C1 – contoh perlombongan seperti emas, perak dan bijih besi C2 – contoh pembuatan seperti menghasilkan barang dari bijih besi dan emas untuk membuat perhiasan, pembuatan barang tembikar, pembuatan cuka kelapa dan pembuatan gula, garam dan minyak. - mana-mana jawapan dan contoh yang sesuai	3m
Keseluruhan markah		12m

Aras Taksonomi Bloom : Aplikasi

Item Pentaksiran HOTS 2 : Item Aplikasi

Sekiranya anda dilantik menjadi seorang Menteri Pertanian dan Industri Makanan, apakah perkara yang boleh anda lakukan untuk memajukan sektor ekonomi yang berasaskan pertanian di negara anda? (10 Markah)

SKEMA PEMARKAHAN

BIL	ISI DAN HURAIAN	Markah
1	<p>F1 – Melahirkan ramai petani yang berilmu pengetahuan tentang bidang pertanian.</p> <p>H1 – Guru-guru di sekolah haruskah mendedahkan pelajar terhadap sektor pertanian dengan menggalakkan pelajar untuk mengikuti kursus yang berkaitan dengan bidang pertanian supaya rakyat mempunyai ilmu dalam bidang pertanian.</p>	2m
2	<p>F2- Menggunakan kaedah pertanian yang moden</p> <p>H1 – Dalam hal ini, kerajaan akan memberikan bantuan sumbangan atau subsidi kepada pengusaha hasil pertanian untuk memajukan kaedah pertanian yang lebih moden.</p>	2m
3	<p>F3 – Menggalakkan inovasi dalam pertanian.</p> <p>H1 – sektor kerajaan akan berganding bahu dengan sektor swasta bagi membantu para petani memajukan pertanian mereka dengan mengadakan kursus atau seminar yang boleh membantu meningkatkan inovasi dalam pertanian.</p>	2m
4	<p>F4 – Menggalakkan orang kampung untuk melakukan aktiviti pertanian pada masa lapang.</p> <p>H1 – pihak kerajaan boleh memberikan sumbangan kepada para petani baru untuk memulakan pertanian dan memberikan kursus secara percuma kepada mereka yang tidak berkemampuan untuk mengikuti kursus pertanian.</p>	2m
5	<p>F5 – Meningkatkan kebolehpasaran graduan IPTA</p> <p>H1 – Pihak IPTA haruslah sentiasa memperbaharui kaedah dan pembelajaran dengan memberikan input-input baru kepada pelajar supaya mereka mendapat ilmu pengetahuan yang setanding dengan kemajuan ekonomi pada masa kini.</p> <p>C1 – pihak kerajaan boleh memasarkan kebolehpasaran graduan di arena global ahbar mendorong pelajar untuk meningkatkan kualiti mereka dan seterusnya memudahkan mereka untuk memenuhi kehendak industri tempatan.</p> <p>(mana-mana jawapan yang sesuai diterima)</p>	2m
Keseluruhan markah		10

3.2 HOT ASSESSMENT TASK 2

Mata pelajaran : Sejarah Tingkatan 2

Tajuk : Kesultanan Melayu Melaka sebagai Asas Kerajaan Masa Kini

Standard Pembelajaran : 6.1.2 Menghuraikan kegembiran Kesultanan Melayu Melaka

Aras Taksonomi Bloom : Analisis

Item Pentaksiran HOTS 1 : Item Analisis

Kesultanan Melayu Melaka berkembang dari sebuah perkampungan nelayan dan akhirnya menjadi kerajaan yang masyhur. Terdapat beberapa faktor yang telah melonjakkan kerajaan ini berkembang menjadi sebuah kerajaan yang gemilang di Alam Melayu. Huraikan faktor-faktor tersebut.

SKEMA PEMARKAHAN

BIL	ISI DAN HURAIAN	MARKAH
	Pendahuluan	2 ½
1	<p>Isi 1- Kepemimpinan Raja</p> <p>H- Raja merupakan ketua pemerintah dan ketua kerajaan yang mempunyai kuasa tertinggi. Hak kuasa ini berpunca daripada beberapa sumber.</p> <p>C1 - Peranan yang Unggul</p> <ul style="list-style-type: none">- Raja mempunyai pelbagai peranan dalam sistem pemerintahan <p>C2 – Daulat dan Alat Kebesaran</p> <ul style="list-style-type: none">- Kepemimpinan raja juga dikaitkan dengan konsep daulat dan derhaka serta pelbagai institusi perajaan <p>C3- Kewibawaan</p> <ul style="list-style-type: none">- Raja memiliki ciri kepemimpinan seperti adil, berwibawa dan mengambil berat terhadap kebajikan rakyat.- Raja memerintah berdasarkan bidang kuasa yang ditetapkan mengikut Hukum Kanun Melaka.	5
2	Isi 2- Pusat Perdagangan	

	<p>H - Pelabuhan Melaka menjadi pusat perdagangan yang penting dalam mengendalikan perdagangan antarabangsa. Pelabuhan ini berfungsi sebagai pelabuhan entrepot yang mengumpulkan barang dari Alam Melayu. Pelabuhan Melaka juga menjadi pusat pengedaran barang dari timur dan barat ke Alam Melayu. Perkembangan kegiatan perdagangan ini telah menyumbang kepada kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.</p> <p>C1- Kedudukan Strategik</p> <ul style="list-style-type: none"> - Melaka terletak di laluan perdagangan antara India dengan China. - Kedudukan strategik di Selat Melaka menyebabkan Melaka dikunjungi oleh pedagang dari dalam dan luar Alam Melayu. <p>C2- Dikunjungi Pedagang dari Dalam dan Luar Alam Melayu</p> <ul style="list-style-type: none"> - Keadaan ini menyebabkan perkembangan mata wang aktif - Pedagang yang paling ramai mengunjungi pelabuhan Melaka ialah pedagang Arab, China dan Gujarat. <p>C3- Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Pelbagai Barang</p> <ul style="list-style-type: none"> - Barang yang dikumpul dan diedarkan kepada pedagang luar ialah timah, emas, kapur barus, hasil hutan dan rempah-ratus. - Kepelbagaian barang dagangan ini membuktikan pelabuhan Melaka sebagai emporium yang maju. 	5
3	<p>Isi 3- Pengurusan Perdagangan</p> <p>H- Kegiatan perdagangan dapat dijalankan dengan lancar dan teratur hasil daripada pengurusan perdagangan yang cekap</p> <p>C1- Syahbandar</p> <ul style="list-style-type: none"> - Urusan perdagangan dikendalikan oleh syahbandar yang memainkan peranan penting dalam menjadikan Melaka sebagai pelabuhan entrepot. <p>C2- Cukai Perdagangan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Para pedagang tertarik dengan pengurusan cukai barang yang cekap dan sistematik. - Pengurusan cukai pelabuhan yang rendah menarik minat pedagang ke Melaka. <p>C3- Kemudahan Pelabuhan</p>	5

	<ul style="list-style-type: none"> - Pelabuhan di Melaka dilengkapi dengan pelbagai kemudahan yang menarik minat pedagang. - Contoh- Kemudahan pengangkutan, Kemudahan bekalan makanan dan minuman, Khidmat membaiki kapal, Tempat penginapan. 	
	<p>Isi 4- Sistem Perundangan</p> <p>H - Kesultanan Melayu Melaka telah memperkenalkan sistem perundangan yang mantap. Hal ini telah melonjakkan Kesultanan Melayu Melaka ke arah kegemilangan.</p> <p>C1- Hukum Kanun Melaka</p> <ul style="list-style-type: none"> - Hukum Kanun Melaka ini dapat mewujudkan keamanan dan menjamin keselamatan rakyat. Jenayah di dalam negeri Melaka dapat diatasi dengan baik dan terurus. <p>C2- Undang-Undang Laut Melaka</p> <ul style="list-style-type: none"> - Undang-undang ini menyebabkan aktiviti perdagangan berjalan dengan lancar dan adil. Keadaan ini memberikan keyakinan kepada para pedagang. <p>C3- Undang-Undang Adat</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kepemimpinan raja yang berwibawa, sistem pentadbiran yang mantap dan kesungguhan melaksanakan sistem undang-undang telah membawa kepada kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. 	5
	Kesimpulan	$2 \frac{1}{2}$
	Jumlah Markah	25

Aras Taksonomi Bloom : Aplikasi

Item Pentaksiran HOTS 2 : Item Aplikasi



Peta berikut menunjukkan lokasi yang dipilih oleh Parameswara yang membawa kepada kemunculan Melaka sebagai pusat perdagangan

Berdasarkan kenyataan di atas. Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan berikut:

- I. Bagaimanakah lokasi yang strategik memainkan peranan dalam pengasasan empayar Melaka? (8M)
- II. Sebagai warganegara Malaysia, mengapakah kita perlu mempelajari tentang Sejarah Kesultanan Melayu Melaka? (4M)

SKEMA PEMARKAHAN

SOALAN	ISI DAN HURAIAN	MARKAH
I.	<p>Bagaimanakah lokasi yang strategik memainkan peranan dalam pengasasan empayar Melaka?</p> <p>F1 Terletak di laluan perdagangan utama F2 Berada di antara timur dan barat F3 Bentuk muka bumi berbukit-bukau F4 Sesuai dijadikan benteng pertahanan F5 Menjadi panduan kapal dagang F6 Menjadi benteng pertahanan F7 Terlindung daripada tiupan angin monsun F8 Membolehkan kapal dagang datang berlabuh dengan selamat</p>	8m
II.	<p>Sebagai warganegara Malaysia, mengapakah kita perlu mempelajari tentang Sejarah Kesultanan Melayu Melaka?</p> <p>F1 Menghargai sistem pemerintahan beraja yang diamalkan di negara kita F2 Memupuk sikap taat setia kepada raja F3 Mewujudkan semangat bersatu padu kerana raja sebagai lambang perpaduan F4 Warisan pemerintahan negara kita</p>	4m

3.3 HOTS ASSESSMENT TASK 3

Mata pelajaran : Sejarah Tingkatan 2

Standar Kandungan/Tajuk : Sabah dan Sarawak

Standard Pembelajaran : 6.4.3 Menghuraikan kegiatan masyarakat Sarawak dan Sabah.

Aras Taksonomi Bloom : Analisis

Tugasan HOTS : Esei

Berdasarkan kepada bentuk muka bumi dan lokasi penempatan penduduk di Sabah Dan Sarawak, huraikan kegiatan ekonomi yang dijalankan di kawasan tersebut oleh masyarakat Sabah dan Sarawak.

(15 markah)

SKEMA PEMARKAHAN

Perenggan	ISI DAN HURAIAN	MARKAH
1	<p>Pendahuluan</p> <p>F1 – Masyarakat di Sabah dan Sarawak mendiami lokasi petempatan yang mempunyai bentuk muka bumi yang berbeza mengikut suku kaum. Setiap lokasi lokasi petempatan yang mempunyai bentuk muka bumi yang berlainan menjalankan kegaiatn ekonomi yang berbeza.</p> <p>C1 – Pesisiran pantai, lembah sungai dan kawasan pedalaman</p>	2m
2	<p>F1 – Kawasan pesisiran pantai</p> <p>H1 – Masyarakat yang mendiami kawasan tersebut terdiri daripada pelbagai suku kaum. Di Sabah, kawasan pesisiran pantai didiami oleh suku kaum Bajau/Samah, Iranun dan Suluk manakala di Sarawak terdiri daripada suku kaum Kedayan dan Melanau</p> <p>C1 – Kegiatan ekonomi masyarakat di kawasan pesisiran pantai Sabah ialah menangkap ikan, membina perahu, kegiatan perdagangan dan mengutip hasil laut.</p> <p>C2 – Kegiatan ekonomi masyarakat di kawasan pesisiran pantai Sarawak ialah menangkap ikan, membina perahu, kegiatan perdagangan dan perusahaan sagu.</p>	4m
3	<p>F1 – Kawasan lembah sungai</p> <p>H1 – Masyarakat yang mendiami kawasan tersebut di Sabah ialah suku kaum Kadazandusun, Rungus dan Orang Sungai manakala di Sarawak terdiri daripada suku kaum Iban dan Bidayuh</p>	4m

	C1 - Kegiatan ekonomi masyarakat di kawasan lembah sungai Sabah ialah pertanian (buah, sayur, padi) dan menternak haiwan C2 – Kegiatan ekonomi masyarakat di kawasan lembah sungai Sarawak ialah pertanian (buah, sayur, padi) dan menternak haiwan	
4	F1 – Kawasan pedalaman H1 – Masyarakat yang mendiami kawasan tersebut di Sabah ialah suku kaum Murut manakala di Sarawak terdiri daripada suku kaum Kenyah, Penan, Kayan dan Kelabit C1 – Kegiatan ekonomi masyarakat di kawasan pedalaman Sabah ialah pertanian (padi), mengutip hasil hutan, memburu binatang, mengutip sarang burung C2 – Kegiatan ekonomi masyarakat di kawasan pedalaman Sarawak ialah pertanian (padi), mengutip hasil hutan dan memburu binatang	4m
5	Penutup F1 –Masyarakat yang mendiami lokasi petempatan atau bentuk muka bumi menjalankan kegiatan ekonomi yang berbeza.	1m
Keseluruhan markah		15m

Aras Taksonomi Bloom : Penilaian

Tugasan HOTS : Pembentangan

Bina satu peta minda bagi menentukan kepentingan setiap kegiatan ekonomi mengikut bentuk muka bumi atau lokasi penempatan yang berbeza. (9 Markah)

SKEMA PEMARKAHAN

Bentuk Muka Bumi/Lokasi Penempatan	Kepentingan	Markah
Kawasan pesisiran pantai	<ul style="list-style-type: none"> Membekalkan barang keperluan kepada masyarakat di kawasan lembah sungai dan pedalaman Mendagang hasil yang dikutip daripada masyarakat di kawasan lembah sungai dan pedalaman. 	3m
Kawasan lembah sungai	<ul style="list-style-type: none"> Membekalkan sumber makanan kepada masyarakat di pesisiran pantai (pertanian) Menjalankan sistem barter dengan masyarakat di pesisiran pantai dan pedalaman 	3m

Kawasan pedalaman	<ul style="list-style-type: none"> • Membekalkan sumber hasil hutan kepada masyarakat di pesisiran pantai dan lembah sungai • Menjalankan sistem barter dengan masyarakat di pesisiran pantai dan lembah sungai 	3m
-------------------	---	----

3.4 HOTS ASSESSMENT TASK 4

Mata pelajaran	:	Sejarah Tingkatan 2
Tajuk	:	Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, dan Perlis
Standard Pembelajaran	:	6.3.4 Menghuraikan keunikan adat dan pemerintahan Negeri Sembilan.
Aras Taksonomi Bloom	:	Analisis
<u>tem Pentaksiran HOTS 1</u>	:	<u>Item Analisis</u>

Seperti yang kita sedia maklum, Negeri Sembilan mempunyai keunikannya tersendiri kerana mereka mengamalkan adat perpatih. Apakah bukti Negeri Sembilan mengamalkan adat perpatih. Bukti tersebut perlulah berdasarkan aspek berikut: (10 Markah)

- a) harta pusaka
- b) adat perkahwinan
- c) kepentingan kaum perempuan dalam adat perpatih

Bil	Isi dan huraian	Markah
1	<p>Harta pusaka</p> <ul style="list-style-type: none"> - harta pusaka adalah hak perempuan atau dipanggil ‘waris pusaka’. Tanpa harta pusaka seseorang perempuan itu dianggap ‘anak dagang’. - Harta pusaka ialah harta kepunyaan sesuatu suku atau perut yang diwarisi - Jika tiada anak perempuan, keluarga perempuan (anak saudara) yang dekat atau yang sekedim sekali. 	3m
2	<p>Adat perkahwinan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Adat Perpatih tidak membenarkan perkahwinan di antara sesama anggota sesebuah suku dan lebih menekankan amalan eksogami. 	3 m

	<ul style="list-style-type: none"> - Kaum lelaki perlu mempunyai sifat melindungi dan menyayangi tetapi tidak pernah dilihat dari sudut hawa nafsu. - Sebagai contoh, apabila berlaku perkahwinan lelaki dan perempuan berlainan suku akan mewujudkan istilah adat yang dipanggil ‘Orang Tempat Semenda’ yang bermaksud keluarga isterinya dan istilah ‘Orang Semenda’ diberikan kepada si suami di dalam suku isterinya 	
3	<p>Kepentingan kaum perempuan dalam adat perpatih</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kaum perempuan dianggap penentu kepada kualiti generasi akan datang. - kaum perempuan perlu mempunyai jaminan hidup supaya kehidupan mereka lebih sempurna dan langsung dapat memberi pendidikan kepada anak-anak. - Contohnya, apabila seseorang perempuan berkahwin, suami mereka yang akan berpindah dan tinggal di rumah mereka. Sekiranya mereka bercerai, suami yang perlu keluar dan isteri tetap tinggal di rumah itu bersama-sama anaknya. 	3m
	Penutup	1
Keseluruhan markah		10

Aras Taksonomi Bloom : Aplikasi

Item Pentaksiran HOTS 2 : Item aplikasi

Berdasarkan Adat Perpatih, apakah prinsip demokrasi yang boleh dipraktikkan pada hari ini bagi memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat? (12 Markah)

Bil	Isi dan huriaian	Markah
	Pendahuluan	2m
1	<p>Matlamat yang digunakan</p> <ul style="list-style-type: none"> - mengekal dan meningkatkan perpaduan dalam kepelbagaian 	3m

	<ul style="list-style-type: none"> - kelebihan ini akan dipelihara sebagai bekalan terbaik untuk menghadapi sebarang cabaran - Satu Malaysia juga dapat menyemarakkan semula semangat perpaduan dan persaudaraan dikalangan rakyat Malaysia. Rakyat perlu membentuk sikap penerimaan antara kaum yang membawa kepada perpaduan yang utuh. 	
2	<p>Perasaan hormat menghormati, keikhlasan dan sikap saling mempercayai antara kaum</p> <ul style="list-style-type: none"> - Satu Malaysia memerlukan kepimpinan dan rakyat yang berintegriti tinggi. - Sifat jujur, berkebolehan, bercakap benar, telus, ikhlas dan amanah amat penting untuk melaksanakan tanggungjawab kepada negara. - Contohnya, Malaysia memerlukan pemimpin yang bijak mentafsir dan memahami tugas yang diberi seperti bijak mengatur strategi, menilai prestasi dan sebagainya. 	3m
3	<p>Negara ini adalah untuk semua rakyat, tanpa mengira kaum, agama, budaya serta fahaman politik.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Semua kaum perlu menganggap bahawa mereka adalah bangsa Malaysia di mana segalanya perlu dinikmati secara bersama. - Malaysia adalah negara kita di mana tidak ada masyarakat atau kaum yang akan dipinggirkan daripada menikmati pembangunan dan pembelaan daripada kerajaan. - mewujudkan negara bangsa yang dapat membina Malaysia sebagai negara yang mempunyai sikap kesaksamaan dan kekitaan di kalangan rakyat. - Contohnya, dalam sambutan perayaan, setiap kaum boleh menyambut selagi tidak bertentangan dengan agama masing-masing. 	3m
	Penutup	1m
	Keseluruhan markah	12m

RUJUKAN

1. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Sejarah, Tingkatan 2 – Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)
2. Buku Teks Sejarah tingkatan 2

LAMPIRAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
5.2 Warisan Kerajaan Alam Melayu	Murid boleh:	1	Mengetahui warisan kerajaan Alam Melayu.
	5.2.1 Menerangkan sistem pemerintahan kerajaan Alam Melayu.	2	Mempamerkan kefahaman tentang warisan kerajaan Alam Melayu.
	5.2.2 Menghuraikan kegiatan ekonomi masyarakat kerajaan Alam Melayu.	3	Menggunakan pengetahuan sejarah tentang warisan kerajaan Alam Melayu dalam pelbagai situasi.
	5.2.3 Menjelaskan sosiobudaya masyarakat kerajaan Alam Melayu.	4	Menganalisis maklumat berkaitan warisan kerajaan Alam Melayu.
	5.2.4 Menerangkan agama dan kepercayaan masyarakat kerajaan Alam Melayu.	5	Membuat penilaian tentang warisan kerajaan Alam Melayu.
	5.2.5 Menghuraikan keunikan warisan kerajaan Alam Melayu.	6	Melahirkan idea yang rasional tentang warisan kerajaan Alam Melayu.
	K5.2.6 Menilai kepentingan kebijaksanaan pemimpin dalam mentadbir negara.		
	K5.2.7 Menghuraikan kepentingan menghargai warisan kerajaan Alam Melayu.		
	K5.2.8 Menerangkan iktibar yang diperoleh dari kegemilangan kerajaan Alam Melayu.		
	K5.2.9 Merumuskan kepentingan kehidupan berorganisasi dalam membentuk kemakmuran negara.		

6. KESULTANAN MELAYU MELAKA SEBAGAI ASAS KERAJAAN MASA KINI			
STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
6.1 Kesultanan Melayu Melaka	Murid boleh:	1	Mengetahui sejarah Kesultanan Melayu Melaka.
	6.1.1 Menceritakan pengasasan Kesultanan Melayu Melaka.	2	Mempamerkan kefahaman tentang sejarah Kesultanan Melayu Melaka.
	6.1.2 Menghuraikan kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.	3	Menggunakan pengetahuan sejarah tentang Kesultanan Melayu Melaka pada masa kini.
	6.1.3 Menerangkan berakhirnya pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka yang berpusat di Melaka.	4	Menganalisis maklumat berkaitan sejarah Kesultanan Melayu Melaka.
	K6.1.4 Menilai kepentingan sifat kepemimpinan dalam pembinaan negara.	5	Membuat penilaian terhadap sejarah Kesultanan Melayu Melaka.
	K6.1.5 Menghuraikan kepentingan menghargai alam sekitar untuk kesejahteraan kehidupan.	6	Melahirkan idea yang berasas tentang sejarah Kesultanan Melayu Melaka.
	K6.1.6 Menjelaskan perpaduan sebagai asas keharmonian masyarakat.		
	K6.1.7 Merumuskan iktibar yang diperoleh daripada sejarah Kesultanan Melayu Melaka.		

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
6.4 Sarawak dan Sabah	Murid boleh:	1	Mengetahui latar belakang bagi Sarawak dan Sabah.
	6.4.1 Menjelaskan sejarah Sarawak dan Sabah sebagai sebahagian daripada kerajaan Alam Melayu.	2	Mempamerkan kefahaman tentang latar belakang Sarawak dan Sabah.
	6.4.2 Menerangkan pemerintahan tempatan di Sarawak dan Sabah.	3	Menggunakan pengetahuan sejarah tentang latar belakang Sarawak dan Sabah dalam pelbagai situasi.
	6.4.3 Menghuraikan kegiatan masyarakat Sarawak dan Sabah.	4	Menganalisis maklumat berkaitan latar belakang Sarawak dan Sabah.
	6.4.4 Menghuraikan keunikan yang terdapat di Sarawak dan Sabah.	5	Membuat penilaian terhadap latar belakang Sarawak dan Sabah.
	K6.4.5 Merumuskan kepentingan memanfaatkan alam sekitar secara bijaksana.	6	Melahirkan idea yang rasional tentang latar belakang Sarawak dan Sabah.
	K6.4.6 Menghuraikan kepentingan permuaafakan dalam kalangan masyarakat.		
	K6.4.7 Menerangkan kepentingan sikap bijaksana untuk meneruskan kelangsungan hidup.		
	K6.4.8 Menilai kepentingan semangat kekitaan dalam sebuah negara.		

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
6.3 Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis	Murid boleh:	1	Mengetahui sejarah kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis.
	6.3.1 Memerihalkan pengasasan kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis.	2	Mempamerkan kefahaman tentang sejarah kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis.
	6.3.2 Menerangkan hubungan kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis dengan negeri-negeri Melayu yang lain.	3	Menggunakan pengetahuan sejarah tentang kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis dalam pelbagai situasi.
	6.3.3 Menjelaskan warisan kerajaan Kedah, Kelantan dan Perlis hingga kini.	4	Menganalisis maklumat berkaitan sejarah kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis.
	6.3.4 Menghuraikan keunikan adat dan pemerintahan Negeri Sembilan.	5	Membuat penilaian terhadap sejarah kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis.
	K6.3.5 Menerangkan kepentingan menghargai pengasasan kerajaan-kerajaan Melayu.	6	Melahirkan idea yang berasas tentang sejarah kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis.
	K6.3.6 Menghuraikan kepentingan menghargai warisan negeri Melayu.		
	K6.3.7 Merumuskan iktibar yang diperoleh daripada kelangsungan negeri Melayu.		
	K6.3.8 Menilai kepentingan menjaga hubungan baik dengan negara lain.		